



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 3, Issue 3, June 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
www.mssocialsciences.com

### **Struktur Bahasa dalam Situasi Banjir di Kelantan dari Sudut Lakuan Pertuturan**

**Aswadi Mohamad<sup>1</sup>, Zaitul Azma Zainon Hamzah<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Correspondence: Aswadi Mohamad (aswadi\_mohamad90@yahoo.com)

#### **Abstrak**

Artikel ini berfokus pada kajian struktur bahasa dalam situasi banjir oleh masyarakat luar Bandar di Manik Urai, Kelantan. Secara khususnya, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti struktur bahasa yang lazim digunakan oleh masyarakat luar Bandar dalam situasi banjir untuk memberikan maklumat kepada pendengar. Selain itu, kajian ini juga melihat aplikasi metodologi linguistik dalam situasi banjir dengan menggunakan teori lakuan bahasa oleh Searle (1969). Pengstrukturan lakuan bahasa ini dipilih berdasarkan kepersisianya memperinci dan menghuraikan berpandukan ketegori lakuan bahasa seperti pernyataan (*representatives*), arahan (*directives*), perjanjian (*commissives*), ekspresif (*expresives*) dan pengisytiharan (*declaratives*). Bagi kajian ini, satu video mengenai situasi banjir dipilih dan telah ditranskripkan untuk melihat adanya struktur bahasa pertuturan masyarakat luar Bandar dalam situasi banjir. Daripada hasil kajian didapati kesemua lakuan bahasa ada struktur bahasanya yang tersendiri. Kajian ini difikirkan amat bermanfaat sebagai panduan dan rujukan kepada masyarakat pembaca dan pengkaji bahasa, terutama mereka yang terlibat dalam aktiviti sukarelawan.

**Kata kunci:** struktur bahasa, lakuan pertuturan, mangsa banjir, video, sukarelawan

### **Language Structure in Kelantan's Flood Situation from the Perspective of Speech Act**

#### **Abstract**

This article focuses in structure of language within the village society in Manik Urai Kelantan during the flood situation. The research was specifically to identify the structure of Speech Act use by the rural community to give information about flood. Besides, this research observes the application of linguistics methodology during flood situation using Speech Act Theory which is the categorization of Speech Act by Searle (1969). This theory was choose for the ability to detail linguistic's differences based on the structure of Speech Act categories such as representatives, directives, commissives, expresives and declaratives. For the purpose of the research, a video about flood situation was choose and transcribe to observe the the structure of speech act within the village society in the flood situation. The result of the research shows all Speech Act have their structure. The beneficial of this research is as a guideline and reference for the readers and language researchers especially those who were active participant of volunteer field.

**Keywords:** structure of language, speech act, flood victims, video, volunteer field

## Pengenalan

Teori lakuhan pertuturan (TLP) mula diasaskan oleh dua orang ahli falsafah, iaitu Austin (1962) dan Searle (1969). Teori tersebut menyatakan bahawa pertuturan yang dituturkan mempunyai lakuhan pertuturnya yang tersendiri. Oleh itu, pengertian asas dalam teori ini tertumpu pada cara menghubungkan makna dan lakuhan dengan pertuturan. Pengertian ini bertepatan dengan hipotesis Searle (1969:16) yang mengatakan “Bertutur dengan sesuatu bahasa bererti menceburkan diri ke dalam satu bentuk perlakuan yang terikat dengan peraturan”. Blakemore (1992:92) menekankan TLB ini dengan menyatakan bahawa “Pengklasifikasi lakuhan pertuturan memainkan peranan penting dalam perlakuan komunikasi, dan berdasarkan teori ini, komunikasi bukan sahaja bererti perlakuan bagi mendapatkan maksud pengucap, tetapi juga perlakuan bagi mendapatkan maksud atau niat pengucap tersebut terlaksana dan dapat dikenal pasti”. Oleh itu, kajian ini berusaha memerihalkan lakuhan pertuturan yang digunakan oleh mangsa banjir dalam menyampaikan maklumat berkaitan dengan kejadian banjir yang berlaku.

Banjir merupakan satu fenomena alam yang kerap kali berlaku dalam bentuk bencana dan membawa risiko yang tinggi kepada penduduk yang terlibat (Haryati Shafii, Sharifah Meryam Shareh Musa & Norasyikin Miskam, 2011) Kekerapan banjir yang berlaku dewasa ini telah mencetuskan satu suasana yang tidak tenteram dalam kalangan penduduk yang berisiko, kerana banjir boleh berlaku bila-bila masa sahaja dan liputannya semakin meningkat semenjak tahun 1970-an hingga kini. Selain itu, menurut Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, 2007 menyatakan bahawa banjir merupakan keadaan di mana air telah naik melebihi paras bahaya dan diisyiharkan banjir oleh pihak berkuasa. Seterusnya menurut Gittelman (2004) banjir merupakan bencana alam yang ketiga terbesar dan telah banyak mengorbankan dan merosakkan harta benda.

Aspek lakuhan pertuturan (LP) dalam situasi banjir penting dikaji untuk melihat dan mengenal pasti jenis LP yang mendominasi sesi perbualan oleh mangsa banjir. Keadaan ini dapat memperjelaskan senario pengaruh bahasa yang wujud dan digunakan oleh oleh mangsa banjir. Hasil kajian ini berupaya memberi peluang kepada masyarakat pembaca dan pengkaji bahasa, khususnya kepada individu yang terlibat secara langsung dalam aktiviti sukarelawan untuk memanfaatkannya bagi meningkatkan mutu perkhidmatan bantuan itu sendiri.

## Kajian Lakuhan Pertuturan

Kajian Lakuhan pertuturan telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji dalam dan luar negara. Antara kajian tersebut ialah Audit Standard Analysis: An Illocutionary Perspective on the New Zealand Going Concern Standard oleh Van Peursem, Locke dan Harnisch (2001). Kajian mereka berkaitan dengan lakuhan niat pengucapan (illocutionary) terhadap piawaian perauditan profesional di New Zealand. Kajian ini menggunakan pengkategorian Bach dan Harnish (1979) yang berasaskan prinsip linguistik Austin tentang jenis lakuhan niat pengucapan. Melalui kajian ini, 198 LP telah dikenal pasti dan LP yang paling dominan ialah LP pengumuman (constatives) 85.2 peratus. Daripada subkategori LP pengumuman, didapati LP pernyataan mempunyai kekerapan penggunaan yang paling tinggi, iaitu 51 peratus. Berdasarkan dapatan ini, pengkaji merumuskan bahawa jenis LP yang wujud menunjukkan juruaudit menggunakan pemahamannya sendiri dalam membuat kerja-kerja pengauditan. Hal ini disebabkan kekurangan maklumat tentang piawaian atau kod etika. LP arahan (directives) pula menunjukkan penggunaan yang rendah, iaitu 14.8 peratus. Dapatan ini bertentangan dengan tanggapan pengkaji yang mengatakan bahawa sesuatu piawaian seharusnya mempunyai lebih banyak LP arahan yang berperanan sebagai panduan dalam aktiviti pengauditan. Daripada kajian didapati banyak maklumat yang tidak diperlukan dan kurang rasional terdapat dalam piawaian tersebut. Malah didapati terdapat kekurangan dari segi garis panduan yang lebih tertumpu pada kegunaan pengguna lain berbanding juruaudit itu sendiri.

Aoyama (2002) mengkaji tentang strategi permintaan di tempat kerja di Jepun. Kajian dilakukan terhadap 16 orang pekerja kedai kopi di Osaka, Jepun. Kajian meneliti strategi permintaan dalam kalangan pekerja dan antara klien yang datang dalam masa lebih dua bulan. Kajian ini mengkaji

strategi permintaan dari perspektif yang berbeza berbanding kaedah CrossCultural Speech Act Realization Project (CCSARP). Data kajian diperoleh berdasarkan pertuturan sebenar dan kajian ini juga mengkaji strategi permintaan di Jepun yang tidak termasuk dalam kajian asal CCSARP. Hasil kajian mendapati perbezaan strategi permintaan berdasarkan umur, status dan gender dalam kalangan penutur. Strategi permintaan langsung (direct) lebih banyak digunakan terhadap individu yang berumur dan mempunyai status yang tinggi.

Hassall (1999) menjalankan kajian terhadap penutur asli bahasa Indonesia, iaitu pelajar universiti di Australia. Kajian ini melihat strategi permintaan dan pertanyaan yang dilakukan oleh responden untuk melihat sejauh mana strategi permintaan dan pertanyaan mempunyai persamaan dalam kalangan bahasa. Pengkaji menggunakan taksonomi CrossCultural Speech Act Realization Project (CCSARP), iaitu taksonomi berdasarkan data lakuhan permintaan daripada pelbagai bahasa. Dapatkan kajian ini menyokong dakwaan strategi dan substrategi pelaksanaan lakuhan permintaan memang mempunyai kecenderungan ke arah kesejagatan antara bahasa dan didapati penutur bahasa Indonesia kerap menggunakan strategi pertanyaan kategori langsung untuk mendapatkan maklumat.

Kajian Hassal (2003) seterusnya meneliti strategi permintaan oleh 20 orang pelajar Australia yang mempelajari bahasa Indonesia dan 18 orang pelajar Indonesia yang belajar di Australia. Kajian ini melihat perbezaan antara pelajar Australia dengan penutur asli (pelajar Indonesia) membuat permintaan dalam situasi harian. Data diperoleh daripada perbualan lisan “main peranan” (interactive role-play) yang dirakam dan sebanyak 24 situasi permintaan dipilih. Dapatkan kajian mendapati kedua-dua kumpulan responden menggunakan jenis permintaan yang sama, iaitu pertanyaan persediaan (query preparatory). Walau bagaimanapun, pelajar Australia lebih kerap menggunakan kata kerja bantu (modal verb) yang berlainan dalam membuat permintaan, iaitu pernyataan langsung subkategori want statement dan pernyataan tidak langsung subkategori hint statement berbanding penutur asli bahasa Indonesia. Namun, penggunaan LP perintah (imperative) oleh pelajar Australia rendah, iaitu 5.5 peratus berbanding pelajar Indonesia, iaitu 17.4 peratus.

Ahmad Mahmood Musanif (2000) mengkaji konsep pertanyaan berdasarkan teori lakuhan pertuturan<sup>1</sup> yang terdapat dalam novel Salina karya A. Samad Said. Kajian beliau yang berdasarkan analisis syarat kesesuaian dalam teori lakuhan pertuturan mendapati bahawa ayat tanya atau pertanyaan tidak sahaja mendukung makna pertanyaan, tetapi juga membawa maksud permintaan maklumat dan pelawaan. Kajian ini mendapati maksud penutur dan pendengar harus diambil kira dalam penentuan maksud sebenar suatu bentuk bahasa kerana bahasa yang realistik ialah bahasa yang digunakan dalam komunikasi seharian.

Ruth Ong Lok Tik (2005) meneliti analisis lakuhan komunikatif pemandu pelancong dalam komuniti bahasa di Malaysia. Kajian ini berdasarkan “situasi komunikatif” yang dikemukakan oleh Saville-Troike (1989), iaitu percakapan para pemandu pelancong dengan para pelancong semasa menjalankan tugas. Penyelidik mengkategorikan 14 jenis lakuhan, iaitu tegur sapa dan perkenalan diri, penjelasan, pertanyaan, pengingatan masa, penceritaan dan sebagainya.<sup>2</sup> Kajian ini hanya memperlihatkan jenis-jenis lakuhan komunikatif yang sering digunakan oleh para pemandu pelancong semasa bertugas. Berdasarkan kajian, didapati para pemandu pelancong perlu menguasai kosa kata yang lebih banyak selain tepat agar komunikasi antara mereka dengan para pelancong, melalui pelbagai lakuhan komunikatif, bertambah baik dari segi bahasa serta bersikap lebih sopan.

Kajian mengenai lakuhan bahasa dalam media sosial turut dikaitkan dengan personaliti penggunanya. Thorne (1987 dalam Scott et al. 2013) telah menunjukkan pola lakuhan bahasa dapat dikaitkan dengan perbezaan konfigurasi individu yang menggambarkan ciri personaliti *extrovert* atau *introvert*. Menurut beliau, ciri personaliti *ekstrovert* ialah seorang yang menyenangkan, mencari kesamaan, menghargai dan bersetuju dengan *ekstrovert* berbanding dengan personaliti *introvert*. Scott et al. (2013) juga menggunakan pengekodan lakuhan 156 bahasa melalui status kemas kini *facebook* untuk menentukan cirri personaliti. Mereka menggunakan analisis regresi untuk mengenal pasti hubungan signifikan antara dimensi personaliti menggunakan 5 inventori personaliti iaitu jujur, bimbang, menyenangkan, peramah dan terbuka dengan pelabelan lakuhan tutur. Mereka turut mendapati lakuhan bahasa tertentu boleh dikaitkan dengan ciri personaliti tertentu.

Maslida Yusof & Karim Harun (2015) dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Lakuan Tutur dalam Ruangan Status Facebook. Kajian ini memfokuskan kepada media sosial iaitu *facebook* dengan anggapan medium ini merupakan rangkaian sosial secara *online* yang paling popular dalam kalangan pengguna media sosial. Dalam media sosial, ruangan dan pengemaskinian status aktiviti harian dianggap sebagai rutin oleh individu untuk berkomunikasi dengan jaringan sosial mereka. Ruang status dianggap sebagai jurnal personal yang mana individu merakamkan apa sahaja aktiviti, peristiwa dan pengalaman yang berlaku kepada mereka dan persekitaran mereka pada setiap hari. Justeru, kajian ini akan menggunakan kaedah analisis kandungan dengan mengambil sampel ‘posting status’ dan analisis berdasarkan kerangka lakuan tutur Searle (1969). Kajian ini mendapati status yang dihantar bukan sahaja menunjukkan kategori khusus lakuan tutur namun kebanyakan status menunjukkan kategori gabungan beberapa lakuan tutur dalam satu status. Kategori lakuan tutur yang ditemui dalam ruangan status *facebook* ialah representatif, ekspresif dan direktif.

## **Objektif Kajian**

Kajian dijalankan untuk melihat aspek yang berikut:

- i. Mengenal pasti jenis struktur lakuan bahasa penduduk di Kelantan dalam menghadapi situasi banjir.
- ii. Merumuskan struktur lakuan bahasa penduduk di Kelantan dalam menghadapi situasi banjir.

## **Kaedah Kajian**

Pengkategorian LP telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu seperti Austin (1962) dan Searle (1977). Austin, telah membahagikan LP kepada lima jenis, iaitu keputusan (*verdictives*), penguasaan (*exercitives*), perjanjian (*commissives*), tabiat kebiasaan (*behabitives*) dan tanggapan (*expositives*). Searle pula membahagikannya kepada pernyataan (*representatives/assertives*), arahan (*directives*), perjanjian (*commisives*), ekspresif (*expressives*) dan pengisytiharan (*declarations*).

## **Dapatan Kajian**

Situasi banjir mempunyai struktur bahasanya yang tersendiri, yang ditandai dengan struktur-struktur ayat dan juga ungkapan khusus. perkataan-perkataan tertentu yang digunakan dalam bahasa am sehari-hari mempunyai kedudukan yang khusus kerana mendukung pengertian yang sangat penting bagi menghadapi situasi banjir. Dalam mengkaji struktur lakuan bahasa, pengkaji menggunakan bahasa yang digunakan dalam kalangan penduduk di Kelantan semasa menghadapi situasi banjir yang melibatkan soal jawab. Perbualan dalam situasi banjir melibatkan bahasa formal, standard, dan terdapat juga bahasa sehari-hari yang santai digunakan. Bahasa perbualan menggunakan ayat yang pendek-pendek. Dalam bahasa perbualan, penggunaan bahasa menggunakan bahasa yang pendek-pendek. (Asmah, 2009). Berdasarkan pemerhatian penkaji mendapati terdapat juga unsur paralinguistic. Paralinguistic merujuk kepada emosi atau sikap penutur yang mencakupi bahasa seperti mimik muka, dan pergerakan badan yang informative (Inderawati Zahid dan Mardian Shah Omar, 2006).

Setelah pengkaji menjelaskan lakuan bahasa, pengkaji merumuskan struktur lakuan bahasa yang terdapat dalam kalangan penduduk di Kelantan semasa menghadapi situasi banjir dengan menggunakan teori Searle (1969). Berdasarkan kelima-lima situasi banjir penduduk di Kelantan, pengkaji mendapati penggunaan lakuan bahasa yang digunakan tidaklah semestinya sama. Kadangkala penduduk memulakan pertuturan menggunakan lakuan jawapan apabila mereka di Tanya berkaitan dengan soalan berkaitan dengan banjir yang mereka hadapi, kadangkala memulakan perbualan meraka dengan menggunakan lakuan arahan, lakuan ekspresif, namun jarang menggunakan lakuan perjanjian untuk memulakan perbualan mereka dalam situasi banjir. Lakuan bahasa yang digunakan juga terdapat perubahan dari segi cara mengujarkannya. Dalam situsi banjir yang dikaji, pengkaji mendapati lima

bentuk bahasa yang digunakan oleh penduduk dalam situasi banjir iaitu laku ekspresif (penglahiaran), representative (penegasan/pernyataan), direktif (arahan), komisif (perjanjian), dan deklaratif (pengisyiharan).

### **Lakuan ekspesif**

Lakuan Ekspresif merupakan ujaran yang digunakan untuk mengungkapkan emosi penutur, misalnya “Saya barasa kasihan melihat kanak-kanak terbiar itu”. Lakuan yang termasuk dalam kategori ini termasuklah; memohon maaf, mengucapkan terima kasih, mengucapkan tahniah, mengucapkan takziah, mengucapkan selamat datang, membantah dan sebagainya (Searle, 1969).

Terdapat penggunaan laku pertuturan bagi laku ekspresif ini dalam situasi banjir yang dikaji. Dalam perbualan dalam kalangan penduduk semasa menghadapi situasi banjir:

“Mana ada cikgu yang tidak terasa hiba dan sedih kerana melihat anak-anak murid saya menerima musibah banjir dan terima kasih kepada semua murid kerana begitu sabar dan juga terharu saya kerana dalam kesusahan. Kita dapat bersama pada pagi ini memulakan sesi persekolahan bagi tahun 2015.” (LP096)

(Sumber : Video 1)

Ujaran kedua memperlihatkan persepsi perasaan penutur yang menyatakan tentang kesedihan. Ungkapan yang diujarkan oleh penutur ialah “sedih” dan “hiba”. Ungkapan tersebut sudah menunjukkan bahawa penutur mempunyai perasaan yang sedih. Hai ini demikian kerana Guru Besar Sekolah Kebangsaan Manik Urai Lama iaitu Yusuf Mohamad menyatakan perasaan sedih beliau kepada murid-murid yang hadir ke sekolah pada pagi tersebut dengan kelengkapan yang serba kekurangan. Perbuatan ini disertai dengan tangisan oleh Guru Besar tersebut semasa melontarkan ujaran tersebut dalam perhimpunan pertama sesi persekolahan 2015.

### **Penggunaan Lakuan Ekspresif dengan penggunaan Tanya-Jawab**

Seterusnya terdapat penggunaan laku bahasa ekspresif dalam situasi banjir oleh penduduk dalam video yang pertama. Dalam perbualan dalam video dalam situasi banjir penyoal dan responden:

- i. *Perasaan tu macam mana? (LP041)*
- ii. *Tak leh la sedih. Tak leh kecek mano. Perasaan sedih. (LP042)*
- iii. *Sedih macam mana tu? (LP043)*
- iv. *Yola tak dok tempat duk sini tak dok umah sendiri. Dulu umah tok tua (mertua) ado. Kalu sewo anok lapan orangpun duk umah sewa lagi. (LP044)*

Ujaran 1 sehingga ujaran 4 mempunyai hubungan dengan ujaran yang sebelumnya kerana syarat yang menjadi dasar laku-laku mempunyai kesan kepada hubungan antara ujaran dan penyususunan berurutan dalam perbualan. Dalam ujaran 1 di atas yang bermula dengan pertanyaan, *Perasaan tu macam mana?* Untuk mengenal pasti laku pertuturan dalam ujaran tersebut. Analisis seterusnya adalah jawapan Mohd Chik, iaitu *Tak leh la sedih. Tak leh kecek mano. Perasaan sedih.* bagi menunjukkan bahawa laku pertuturan. Manakala, bagi ujaran 3 pula bermula dengan pertanyaan Farinha Onn, *Sedih macam mana tu?* Untuk mengenal pasti laku pertanyaan dalam ujaran tersebut. Seterusnya adalah laku yang menunjukkan maklum balas kepada pertanyaan tersebut dengan memberikan jawapan Mohd Chik, iaitu *Yola tak dok tempat duk sini tak dok umah sendiri. Dulu umah tok tua (mertua) ado. Kalu sewo anok lapan orangpun duk umah sewa lagi* yang merupakan rutan bagi laku pertuturan tersebut. Schiffriin (1994:62) dalam Ahmad Mahmood Musanif (1998) menyatakan bahawa ujaran-ujaran yang mengikuti pertanyaan mempunyai hubungan dengan ujaran yang sebelumnya kerana syarat yang menjadi dasar laku-laku mempunyai kesan kepada hubungan antara ujaran dan penyususunan berurutan dalam perbualan.

## **Lakuan Direktif (arahan)**

Lakuan direktif merupakan lakuan yang digunakan untuk mencuba dengan darjah yang berbeza untuk membuat si pendengar melakukan sesuatu, misalnya tolol tutup suis lampu itu, tutup tingkap itu, dilarang pijak rumput dan sebagainya. Kategori ini termasuklah lakuan; menasihat, meminta, mengarah, melarang. Mencadang, mendesak, mengesorkan, dan sebagainya, (Searle, 1969).

## **Penggunaan Lakuan Direktif dengan dengan Kata Perintah Permintaan (minta)**

Dalam lakuan bahasa jenis direktif seterusnya maka ayatnya adalah seperti berikut:

P: Di dalam bencana di Manik Urai dekat Kelantan kita mempunyai masalah communication breakdown. So semua talian telefon tidak boleh pakai. So apa yang kita buat adalah kita mintak bantuan daripada pihak Sapura untuk menguruskan GIRN system. GIRN ya Government Intergrated Radio Network yang mana diberikan perkhidmatan percuma. Ni salah satu satelit.weight debit dia boleh supply communication network is about 10 kilometer radius.

(Sumber Video 1)

Ayat “So apa yang kita buat adalah kita mintak bantuan daripada pihak Sapura untuk menguruskan GIRN system”, merupakan lakuan direktif iaitu penutur menggunakan untuk mencuba dengan darjah yang berbeza membuat si pendengar melakukan sesuatu (Searle, 1969). Menurut Nik Safiah Karim et al (2013) menyatakan bahawa kata perintah ialah perkataan yang bertujuan menimbulkan tindak balas terhadap perintah, arahan, larangan, silaan atau permintaan. Ayat perintah juga merupakan ayat yang mengandungi unsur arahan atau kemahuan yang kuat oleh penutur terhadap pendengar. Ayat ini diujarkan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan (Siti Hajar, 2011). Selain itu, ayat ini juga disebut sebagai ayat arahan. Bagi menyuruh seseorang membuat sesuatu, manusia menggunakan bahasa untuk mengujarkannya dan melakuakan sesuatu sebagaimana yang dikehendakinya, dengan itu bahasa adalah merupakan alat untuk mengawal tindakan-tindakan manusia supaya patut kepada arahan (Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, 2010).

Terdapat perubahan dalam cara penutur memberikan arahan ketika itu. Penutur memulakan dengan memberikan sebab dan kemudiannya menggunakan lakuan bahasa arahan yang lembut dengan menggunakan perkataan mintak (minta). Penutur sebenarnya pada ketika itu mempunyai masalah komunikasi akibat daripada kejadian banjir yang berlaku di Kelantan. Hal ini telah menyebabkan penutur meminta bantuan daripada pihak Sapura yang mempunyai kelengkapan yang membolehkan komunikasi berlangsung dengan lancar.

## **Representatif (pernyataan)**

Penegasan atau pernyataan merupakan ujaran yang digunakan untuk menghuraikan bentuk hubungan, contohnya “rambut saya gugur”. Kategori ini termasuklah lakuan seperti, menyimpulkan,mengatakan, menegas, meminta, bersumpah, mengadu, menafikan, mengaku, dan sebagainya (Searle, 1969). Terdapat juga lakuan penegasan ini seperti dalam ujaran ini,

## **Lakuan Bahasa Representatif (pernyataan) dengan dengan Kata Tunjuk (ini)**

P : Ini ruang tamu. Ingatkan masa you datang tu kan penuh dengan lumpur. Aaa patutnya ada dua je almari kat sini. Hari tu ada empat rasanya. Siap I tengok almari dalam bilik my motherpun keluar dan satu lagi almari tu dah hancur ke.

(Sumber : Video 1)

Ayat “Ini ruang tamu” yang digunakan dalam perbualan di atas merupakan lakuan penegasan. Searle (1969) menyatakan bahawa lakuan ini digunakan untuk menyimpulkan sesuatu atau menegaskan sesuatu. Hal ini demikian dapat dilihat penggunaannya berdasarkan kata tunjuk ini. Penutur menegaskan ‘ini ruang tamu’. Penutur menegaskan bahawa kawasan tersebut merupakan ruang tamu

kepada wartawan. Penggunaan kata tunjuk ‘ini’ menunjukkan bahawa penutur ingin memberitahu tentang kawasan ruang tamu tersebut. Hal ini diperkuat lagi dengan ujaran selepasnya iaitu ‘Ingatkan masa you datang tu kan penuh dengan lumpur’. Penutur ingin memberitahu kepada wartawan bahawa kawasan ini merupakan ruang tamu sambil mengingatkan kembali semasa kawasan tersebut dilanda banjir dengan menyatakan bahawa ruang tamu pada masa tersebut penuh dengan lumpur.

## **Deklaratif**

Deklaratif merupakan ujaran yang digunakan untuk mengubah status sesuatu entity, contohnya, “Awak dipecat daripada jawatan ini”. Lakuan yang termasuk dalam kategori ini ialah lakuan mengisyiharkan (Searle, 1969). Terdapat pola bagi lakuan pengisyiharan. Misalnya dalam ayat yang berikutnya.

### **Penggunaan Lakuan Pertuturan Deklaratif (pengisyiharan) dengan Kata Kerja Keterangan**

P: Di dalam bencana di Manik Urai dekat Kelantan kita mempunyai masalah communication breakdown. So semua talian telefon tidak boleh pakai. So apa yang kita buat adalah kita mintak bantuan daripada pihak Sapura untuk menguruskan GIRN system. GIRN ya Government Intergreted Radio Network yang mana diberikan perkhidmatan percuma. Ni salah satu satelit, weight debit dia boleh supply communication network is about 10 kilometer radious.

P: Kelengkapan komunikasi satelit merupakan kemudahan penting bagi mereka memperolehi maklumat yang tepat. Khususnya mangsa-mangsa banjir yang masih berada di kawasan pendalaman.

Menurut Searle, 1969 lakuan pengisyiharan berlaku apabila penutur mengisyiharkan atau menamakan sesuatu. Dalam ujaran di atas penutur telah mengisyiharkan GIRN sebagai Government Intergreted Radio Network merupakan kelengkapan komunikasi satelit bagi memperolehi maklumat dengan tepat. Penutur seterusnya menguatkan berkaitan dengan alat tersebut dengan mengujarkan ‘Ni salah satu satelit, weight debit dia boleh supply communication network is about 10 kilometer radious’. Perisyiharan yang diikuti oleh keteeangan yang munasabah boleh menguatkan perisyiharan untuk didengar oleh pendengar. Penggunaan perkataan singkatan GIRN yang diikuti oleh keterangan yang merujuk kepada istilah sebenar yang dimaksudkan sebagai Government Intergreted Radio Network oleh penutur untuk digunakan bagi mengubah status sesuatu perkara (Searle, 1969). Pengguna menggunakan perkataan ya yang merujuk kepada kata sendi nama iaitu perkataan ialah bagi menerangkan sesuatu perkataan. Oleh itu lakuan ini merupakan lakuan perisyiharan.

## **Komisif**

### **Penggunaan Lakuan Bahasa Pertuturan Komisif (perjanjian) dengan Kata Bantu Aspek (Akan)**

Komisif merupakan ujaran yang mempertanggungjawabkan penutur dalam tahap tang berbeza-beza untuk melakukan sesuatu aksi pada masa hadapan, contohnya “saya akan datang esok”. Kategori bagi lakuan ini termasuklah berjanji, berikrar, bersumpah, akad, memberikan jaminan, dan sebagainya. (Searle, 1962). Pola lakuan bagu jenis ini boleh dilihat daripada ujaran yang berikut:

P: Kami percaya masih ada kisah yang lebih derita namun kecekalan mereka ini dalam masa diuji masih mampu mengucap syukur akan kami ingat buat selamanya.

(Sumber : Video 1)

Kata bantu aspek menimbulkan suasana perbezaan masa iaitu sama ada masa lampau, masa kini, atau masa hadapan. (Nik Safiah Karim et al, 2013). Semasa penutur malafazkan “Kami percaya masih ada kisah yang lebih derita namun kecekalan mereka ini dalam masa diuji masih mampu mengucap syukur

akan kami ingat buat selamanya”, penutur mengikut Searle, (1969) sedang melakukan lakuan perjanjian. Hal ini demikian kerana penutur telah berjanji akan mengingati peristiwa yang berlaku tersebut buat selamanya. Frasa “akan kami ingat buat selamanya” merupakan satu janji yang dilafazkan bagi merujuk kepercayaan pendengar terhadap tindakan yang akan dilakukan oleh si penutur. Penutur semasa melafazkannya mempunyai tekad untuk berusaha mengingat semula peristiwa banjir yang berlaku itu sampai bila-bila. Hal ini dapat dilihat menerusi ujaran beliau iaitu ‘kecekalan mereka ini dalam masa diuji masih mampu mengucap syukur akan kami ingat buat selamanya’, perkataan yang melibatkan kecekalan mangsa banjir yang dalam keadaan ketika itu masih diuji mampu lagi mengucapkan kesyukuran menyebabkan penutur berjanji akan diingati peristiwa tersebut buat selamanya. Kata bantu ‘akan’ digunakan bagi membolehkan penutur berjanji dan berikrar untuk melaksanakan apa jua yang telah dijanjikannya. Kata bantu membentahu keterangan lanjut tentang sesuatu perbuatan atau kata kerja. Kata bantu dugunkan dihadapan kata kerja. (Abdullah Hassan, 2003). Sebagai kata bantu aspek akan adalah sejenis perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama dengan makna-makna tambahan dari segi aspek waktu. (Idris Aman, 2008)

## Kesimpulan

Lakuan bahasa ialah satu teori yang memberi caraman kata kerja-kata kerja yang maknanya memberikan implikasi bahawa penutur menggunakan kata kerja tersebut dalam pertuturnya. Kata kerja ialah perkataan yang menjadi inti dalam rangkaikata perdikat kerja (Arbak Othman, 1984). Dalam melakukan pertuturan, penutur sebenarnya telah melakuakan tingkah laku yang terdiri daripada pelbagai jenis. Dalam lakuan pertuturan penutur melakukan sesuatu semasa membuat pertuturan sama ada mencadang, bersetuju, menasihatkan dan sebagainya. Setiap lakuan dituturkan dengan tujuan tertentu sama ada untuk mengatakan persetujuan, bertanya untuk mendapatkan maklumat, menayangkan pendirian dan sebagainya.

## Rujukan

- Abdullah Hassan (2003). *Tatabahasa Bahasa Melayu, Morfologi dan Sintaksis untuk Guru dan Pelajar Pahang Darul Makmur*: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahmud Musanif. (2000). *Konsep Pertanyaan Berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan Melayu* dlm. Dewan Bahasa. 44 (12) 1318-329, 2000.
- Ahmad Mahmud Musanif. (1998). *Tanya Jawab dalam Novel Salina: Satu Kajian Berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. (2010). *Teori dan Teknik Terjemahan*: Edisi Kemas Kini. Selangor Darul Ehsan: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Austin, J.L. (1962). *How To Do Things With Word*. Clavendor Press. Oxford.
- Bach, K dan Harnish, R.M. (1979). *Linguistic Communication and Speech Deviance dalam R.W. Griffins, A, O'Leary-Kelly, 7 J.M Collins (Eds), Dysfunctional behavior in organizations; Violent and deviant behavior*. Stamford, CT: JAJ Press.
- Idris Aman. (2008). *Kata Bantu Akan: Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu (Sunting oleh Zaharani Ahmad)*. Pp. 201-102 Selangor Darul Ehsan: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Inderawati Zahid dan Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan Fonologi, Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Haryati Shafii, Sharifah Meryam Shareh Musa & Norasyikin Miskam (2011). *Kajian Kesanggupan Pemilik Rumah Untuk Mendapatkan Perlindungan Daripada Bencana Banjir*. Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar, 2011.
- Hassall. T. (1999). Request strategies in Indonesian. *Pragmatics*, 9(4), 586-606.
- Hassal. T. (2003). Request by Australian Learners of Indonesia. *Pragmatics*, 35, 1903-1928.

- Maslida Yusof & Karim Harun. (2015). *Analisis Lakuan Tutur dalam Ruangan Status Facebook*. Dlm. *Jurnal Komunikasi Jilid 31 (2)*: 151-168. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim. (2013). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruth Ong Lok Tik. (2005). *Analisis Lakuan Komunikatif Pemandu Pelancong Semasa Bertugas*. Dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 5(4), 109-46.
- Saville-Troike, M. (1989). *The ethnography of communication: An introduction*. Oxford: Blackwell Ltd.
- Schiffrin. D. (1994). *Approaches to Discourse*. Oxford: Blackwell.
- Scott,A.D., Erica, J.B., & Rudolph, L.M. (2013). *Towards automated personality identification*. [http://clic.cimec.unitn.it/fabio/wcpr13/appling\\_wcpr13.pdf](http://clic.cimec.unitn.it/fabio/wcpr13/appling_wcpr13.pdf). (diakses pada 5 Januari 2015).
- Searle. J. R.(1962). *Meaning and Speech Acts*. London: Duke University Press.
- Searle. J. R. (1969). *Speech Act: An Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge University Press. London.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). *Bahasa Melayu 1 Edisi Kedua*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Pelajar Sdn. Bhd.
- Van Peursem, K.A Locke, J.L dan Harnisch, N.P. (2001). *Audit Standard Analysis: An Illocutionary Perspective on the New Zealand going Interdisciplinary Research in Accounting Conference*. Adelaide.